

TERBUTALINE SYRUP

Terbutaline Sulphate (1.5mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Terbutaline Syrup
2. Bagaimana Terbutaline Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Terbutaline Syrup
4. Cara menggunakan Terbutaline Syrup
5. Semasa menggunakan Terbutaline Syrup
6. Kesan-saran sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Terbutaline Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Terbutaline Syrup

Digunakan untuk rawatan asma, keradangan saluran pernafasan kronik, kerosakan kantung udara di dalam paru-paru dan gangguan pernafasan lain yang melibatkan penyekatan saluran pernafasan.

Bagaimana Terbutaline Syrup berfungsi

Terbutaline adalah bronkodilator, ubat yang meluaskan (mengembang) saluran pernafasan di dalam paru-paru. Saluran pernafasan yang lebih luas membolehkan lebih banyak udara mengalir masuk dan keluar dari paru-paru. Peningkatan aliran udara mengurangkan sesak nafas, berdehit, dan batuk.

Sebelum menggunakan Terbutaline Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan ubat ini pada orang yang mempunyai tekanan darah tinggi, kegagalan fungsi jantung untuk mengepam dan kelenjar tiroid terlalu aktif.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Terbutaline Syrup jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jumlah yang dirembeskan ke dalam susu ibu adalah terlalu kecil dan tidak berbahaya.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beta-blocker (termasuk ubat titis mata), seperti

- Propranolol – digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.

- Kortikosteroid – melegakan keradangan

Diuretics seperti

- Acetazolamide – mencegah dan mengurangkan simptom-simptom mabuk ketinggian.
- Loop diuretics dan Thiazides – merawat tekanan darah tinggi dan bengkak air.

Theophylline – ubatan digunakan untuk merawat asma dan penyakit paru-paru lain-lain.

Cara menggunakan Terbutaline Syrup

- Berapa banyak harus digunakan Dewasa

2 hingga 3 sudu teh (10 ml hingga 15 ml).

Kanak-kanak

Di bawah 3 tahun : $\frac{1}{2}$ sudu teh (2.5 ml).
3 hingga 5 tahun : $\frac{1}{2}$ hingga 1 sudu teh (2.5 ml hingga 5 ml).

6 hingga 12 tahun : 1 hingga 2 sudu teh (5 ml hingga 10 ml).

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Diberi 3 kali sehari.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Terbutaline Syrup untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan otot menggeletar, kemerahan, agitasi, jantung berdebar-debar, peningkatan degupan jantung, kandungan kalium yang rendah dalam darah.

Semasa menggunakan Terbutaline Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Terbutaline Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Terbutaline Syrup dengan seseiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

Kesan-saran sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Terbutaline Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Debaran jantung yang kuat dan laju, otot menggeletar, peningkatan tekanan darah dan sakit kepala yang teruk.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan Terbutaline Syrup

TERBUTALINE SYRUP

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Terbutaline Sulphate (1.5mg/5ml)

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.
Pastikan bekas sentiasa ditutup
Simpan di tempat kering di bawah 25°C
Lindungi daripada cahaya
Goncang sebelum guna

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.
Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna biasa dengan perisa nenas

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Terbutaline Sulphate

- Bahan tidak aktif

Syrup, Liquid Glucose, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Xanthan Gum, Pineapple Flavour, Deionised Water

- Nombor MAL

MAL19910178AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/09/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)200918/00264